AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : SETEMPAT

Tolong henti jual 2 produk ini

Pengguna digesa elak beli produk Bao Fu Ling Snow Lotus Cream, Bao Fu Ling Skincare Cream

Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

Putrajaya

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggesa orang ramai untuk mengelak daripada membeli dan menggunakan produk kosmetik Bao Fu Ling Snow Lotus Cream dan Bao Fu Ling Skincare Cream kerana dikesan mengandungi racun berjadual, diphenhydramine.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, notifikasi produk kosmetik berkenaan dibatalkan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi berikutan pengesanan bahan racun berjadual di dalamnya.

"Produk yang mengandungi *diphenhydramine* adalah produk farmaseutikal perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan digunakan untuk memberikan kelegaan sementara bagi kegatalan dan kesakitan akibat gigitan serangga, selaran matahari yang ringan dan kerengsaan kulit.

"Selain itu, penggunaannya tanpa pengawasan profesional kesihatan boleh mengakibatkan bahagian kulit yang disapu menjadi lebih sensitif kepada cahaya matahari dan boleh menyebabkan kesan alahan teruk," katanya dalam kenyataan, semalam.

> "Penggunaannya tanpa pengawasan profesional kesihatan boleh mengakibatkan bahagian kulit yang disapu menjadi lebih sensitif kepada cahaya matahari dan boleh menyebabkan kesan alahan teruk"
>
> *Dr Noor Hisham Abdullah*



Beliau berkata, penjual dan pengedar produk kosmetik ini diberi amaran untuk menghentikan penjualan dan pengedarannya dengan serta-merta.

Katanya, penjual diingatkan bahawa penjualan dan pengedaran produk kosmetik ini melanggar Peraturan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

"Individu yang melakukan kesalahan di bawah peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya.

"Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya," katanya.

Berikutan itu, Dr Noor Hisham berkata, orang ramai yang sedang menggunakan produk kosmetik terbabit dinasihatkan untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan.

Menurutnya, sebarang pertanyaan berkaitan produk kosmetik boleh di e-mel kepada kosmetik@npra.gov.my untuk keterangan lanjut.

Katanya, pengguna dan orang ramai juga dinasihatkan untuk menyemak status notifikasi sesuatu produk kosmetik dengan melayari laman web rasmi NPRA, http://www.npra.gov.my.